

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 JULAI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

## PM umum hala tuju ekonomi negara



**HALA tuju ekonomi negara dikenali Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang bakal dlumumkan Anwar hari ini.**

Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat jadi dasar baharu

# PM umum hala tuju ekonomi negara

**PETALING JAYA** – Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka mengumumkan hala tuju ekonomi negara yang dikenali sebagai Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat hari ini dalam usaha untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang.

Pengumuman tersebut telah dikongsikan Perdana Menteri di laman Facebook miliknya semalam.

"Esok (hari ini) saya akan melancarkan Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat yang merupakan pengemudian dan pengarah baharu ekonomi untuk menjamin masa depan negara. Nantikan, insya-Allah," katanya.

Majlis tersebut akan diadakan pada pukul 9 pagi di ibu pejabat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) Kuala Lumpur.

Terdahulu, ekonomi Malaysia mencatatkan perkembangan lebih baik daripada jangkauan sebanyak 5.6 peratus pada suku pertama 2023, didorong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta.

Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour sebelum ini berkata, bank pusat itu mengekalkan unjuran untuk pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun ini antara empat dan lima peratus.

Jelas beliau, permintaan

dalam negeri ketika ini kekal berdaya tahan dan pasaran kerja kini semakin baik, seterusnya menyokong perbelanjaan pengguna.

Pada 24 Februari lalu, Anwar yang juga Menteri Kewangan telah membentangkan belanjawan pertama Kerajaan Perpaduan dengan peruntukan sejumlah RM388.1 bilion, meningkat daripada RM372.3 bilion yang dibentangkan pada Oktober 2022.

Sejumlah RM289.1 bilion diperuntukkan untuk belanja mengurus dan RM99 bilion bagi perbelanjaan pembangunan, termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka.